

Seni bina Bawean teras tesis calon PhD NUS

► SAINI SALLEH
saini@sph.com.sg

BELIAU baru saja mengenggam ijazah sarjana seni bina daripada Universiti Nasional Singapura (NUS) Ogos lalu tetapi cita-citanya terus membara untuk menjalankan kajian mendalam mengenai fenomena diaspora masyarakat keturunan Bawean yang bertebaran di rantau ini.

Encik Hadi Osni, 26 tahun, tidak tunggu lama memandangkan tugas berat merentas sempadan itu.

Justeru, beliau telah pun memulakan kajian bagi meraih ijazah doktor falsafah seni bina daripada universiti yang sama.

Tesis yang bakal beliau siapkan itu menurus kepada diaspora masyarakat keturunan Bawean dari perspektif seni bina – suatu bidang pengkhususan possarjana yang pertama kali dijalankan oleh pengkaji di sini.

Beliau yang baru berumah tangga, menerima biasiswa penyelidikan daripada NUS sepanjang tempoh pengajian selama lima tahun itu.

“Saya anak keturunan Bawean dan faham adat istiadat, budaya dan amalan agama masyarakat Bawean. Kesemua itu menjadi aset dan dapat membantu saya menjalankan kajian mendalam mengenai diaspora Bawean dari perspektif seni bina yang belum ada sesiapa jalankan sebelum ini.

“Lagi pun ramai yang tidak menyedari masyarakat Bawean yang berhijrah ke negara asing, membawa bersama mereka budaya, amalan agama dan adat istiadat dan tradisi leluhur.

“Kesemua itu diterapkan dalam pondok atau ponthuk yang mereka diami biasanya bersama penghijrah daripada daerah yang sama,” kata Encik Hadi.

Justeru, tidak hairanlah pondok-pondok Bawean yang pernah bertebaran di sini pada awal 1900-an diberi nama berdasarkan asal daerah masing-masing.

Terdapat lebih 50 pondok Bawean di serata Singapura – kebanyakannya dalam kawasan pusat dan pinggir bandar.

“Semangat kedaerahan begitu kuat dalam kalangan penghijrah Bawean. Mere-



BURU PHD: Encik Hadi telah pun mula jalankan kajian mengenai diaspora masyarakat perantau Bawean dari perspektif seni bina. – Foto BH oleh SAINI SALLEH

ka saling tolong menolong antara satu sama lain khususnya yang baru berhijrah ke sini dalam mendapatkan pekerjaan dan bantuan kewangan.

“Rumah-rumah kedai yang disewa dan dijadikan pondok juga diterapkan dengan ciri-ciri rumah dan kehidupan daerah masing-masing,” tambah beliau.

Dari segi pekerjaan, mereka yang datang daripada daerah di persisiran Pulau Bawean biasanya bekerja di laut seperti kelasi kapal dan pekerja pelabuhan.

Mereka yang tinggal di darat pula bekerja sebagai tukang kebun dan drebar tauke China.

Menurut Encik Hadi, selain Pulau Bawean, tumpuan kajiannya meliputi dua negara selat iaitu Singapura dan Melaka kerana terdapat persamaan trend penghijrah, kehidupan bandar dan ciri-ciri pondok yang mereka diami.

Beliau merancang untuk mengunjungi Pulau Bawean dalam beberapa minggu akan datang dan dijangka menghabiskan sekitar 10 hari di sana.

“Saya telah menghubungi beberapa tokoh masyarakat Bawean di sana yang boleh membantu dalam melancarkan kajian saya.

“Mereka tentunya dapat memberi input dari segi trend penghijrah, peranan dan penggunaan ruang dalam rumah dan persamaannya dengan pondok-pondok di Singapura dan Melaka,” tambahnya.

Encik Hadi juga sedang menimbang langkah menjejak petempatan masyarakat Bawean di beberapa negeri di Malaysia termasuk Lembah Klang dan di Ho Chi Minh, Vietnam.

Menurut beliau, kajian beliau itu juga akan disertakan dengan lakar seni bina bagi menguatkan fakta berkaitan diaspora Bawean itu.